

18 SEP 1998

Komanwel-Tinju (Rangkuman)

SAPOK LAYAK KE PUSINGAN AKHIR TAPI KANADA MENGUASAI TINJU

Oleh: Azhar Ghazali

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Suasana gembira bercampur sedih menyelubungi Stadium Malawati Shah Alam apabila perlawanan tinju Sukan Komanwel ke-16 memasuki peringkat genting untuk menentukan mereka yang layak ke pusingan akhir bagi kesemua 12 kategori.

Wira tempatan Sapok Biki merupakan peninju yang pertama melayakkan diri ke pusingan akhir dan mencatat sejarah kerana belum pernah peninju Malaysia mara ke pusingan akhir dan menjamin sekurang-kurangnya pingat perak bagi negara dalam Sukan Komanwel.

Sambil memegang tinggi potret Perdana Menteri Malaysia, Sapok menyebut Datuk Seri Dr Mahathir Moahamad dan rakyat Malaysia sebagai punca bagi kejayaannya setakat ini.

"Saya gembira sekiranya Perdana Menteri dapat datang ke sini untuk menyaksikan perlawanan akhir. Ia pasti akan memberangsangkan saya lebih lagi," tambah Sapok.

Bagaimanapun, seorang lagi peninju negara, Adnan Yusoh menitikkan air mata apabila pengadil mengumumkan bahawa penentangannya Michael Yomba, dari Tanzania, memenangi perlawanan walaupun Adnan sebelum itu menyangkakan dia (Adnan) menang.

Peninju Kanada Andrew Kooner, yang menguasai pusingan awal, juga telah menitikkan air mata setelah kalah tipis di tangan Herman Ngoudjo, dari Cameroon, 16-17. Kekalahan Kooner, bagaimanapun, tidak banyak menjejaskan penguasaan Kanada dalam acara tinju.

Kanada mempunyai enam peninju dalam pusingan akhir -- Jeremy Molitor (67kg), Mark Simmons (91kg), Marty O'Donnel, Michael Strange (63.5kg), Scott MacIntosh (71kg) dan Troy Amos (81kg) -- dan dijangka mengulangi kejayaan memungut empat emas yang dibuat di Sukan Victoria.

Pemenang emas Sukan Victoria, Strange, Molitor, O'Donnel, Amos dan Simmons nampaknya bersedia untuk meraih emas. MacIntosh, bagaimanapun, mungkin menghadapi cabaran hebat dari penentang Chris Basseby dari England.

Seorang lagi peninju England, Audrey Harrison juga melayakkan diri ke pusingan separuh akhir dan akan menentang Michael Macaque dari Mauritius.

-- BERNAMA

AZG AO